


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 14 RABU 6 APRIL, 1966 رابو 16 ذوالحجه 1385 PERCHUMA

D.Y.M.M. SELAMAT BERANGKAT TIBA DI-BRUNEI DARI U.K.



BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat tiba di-Tanah Ayer dari United Kingdom melalui Hong Kong dengan kapal terbang pada tengah hari Rabu 30 Mach, 1966.

Baginda telah berangkat ka-London pada 12 Disember, 1965 bersama2 dengan Puteri Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri

Masna dan suami-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Semasa bersemayam di-London, Duli Yang Maha Mulia

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara kelihatan dalam gambar ini menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan semasa Baginda mendarat di-Lapangan Terbang Brunei dari United Kingdom pada tengah hari Rabu yang lalu. Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, kelihatan di-sabelah kiri dalam gambar ini.

telah mengunjongi Putera2 Baginda, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hasanah Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang sedang menuntut di-United

Kingdom.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sambut ketika tiba di-Lapangan Terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh; Y.A.M. Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed;

(Lihat Muka 8)



Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan Majlis Menyampaikan Sijil2 Kepujian dan Hadiah2 oleh Jabatan Pelajaran Brunei kepada penuntut2 dari negeri ini yang berjaya dalam Peraduan Lukisan Kanak2 dari Negara2 Komonwealth. Majlis itu telah di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada 28 Mach, 1966. Dudok bilangan ketiga dari kanan ia-lah Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dan dudok bilangan ketiga dari kiri ia-lah Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Awang Noordin bin Abdul Latiff.

Majlis Menyampaikan Sijil Tamat Latehan Pertanian

KILANAS. — Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyampaikan Sijil Tamat Latehan Pertanian kepada 7 orang penuntut di-Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas pada pagi hari Khamis 31 Mach, 1966.

Penuntut2 tersebut ada-lah dari rombongan ke-13 yang telah tamat menjalani latehan pertanian sa-lama dua bulan di-Pusat Pertanian itu.

(Lihat Muka 8)

Seni Ada-lah Budaya Bangsa

Kata - Penulong Menteri Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Seni ada-lah Budaya Bangsa, Tinggi Seni tinggi-lah Budaya, Tinggi pelajaran, dan tinggi pengetahuan. Demikian antarnya kata Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat O.K.P.D. Aw. Lukan bin Uking.

Beliau telah berkata sademikian di-majlis menyampaikan Sijil2 Kepujian dan hadiah2 dari Jabatan Pelajaran kepada ramai bilangan penuntut2 dari Negeri Brunei yang telah berjaya dalam Peraduan Lukisan Kanak2 dari Negara2 Komonwealth, United Kingdom, bertempat di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada 28 Mach, 1966.

Uchapan beliau selanjutnya ada-lah seperti berikut.

"Dalam Pesta Pamiran Lukisan Kanak2 dari Negara2 Komonwealth yang telah dipamirkan di-Royal College of Art, London dan Cardiff dari 16hb. September hingga 16 Oktober tahun 1965; pelajar2 dari Negeri Brunei telah menyertai dalam Pamiran tersebut dan banyak di-antara pelajar2 itu telah beroleh kejayaan.

KEBOLEHAN YANG GEMILANG

Atas semua kejayaan dan kebolehan pelajar2 yang gemilang menggondol beberapa hadiah-hadiah yang berupa Sijil2 Kepujian dari seberang laut.

Saya atas nama Penulong Menteri Pelajaran Brunei mengucapkan sa-tinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih dan merasa amat-lah berbangga sekali di-atas kejayaan ini.

Saya rasa, rasa bangga dan terima kasih ini, bukan sahaja lahirnya dari diri saya dan Kerajaan Brunei, malah seluruh rakyat negeri ini barangkali berbangga dan berterima kasih kepada kejayaan tuan2 sakalian ini.

Dan amat-lah nyata sekali dari yang telah ada ini, mem-

buktikan bahawa putera dan puteri Negeri ini boleh membuat dan membuktikan kebolehan-nya dalam bidang apa jua pun. Asalkan mereka dididik, di-ajar dengan bersungguh-sungguh dan di-beri peluang mempelajari semua lapangan pelajaran.

Pelajar2 sakalian, saya juga berharap apa yang telah pelajar pelajar perolehi itu jadikanlah dia suatu lambang pendorong kepada tuan2 semua dalam meninggikan chita2 tuan2 untuk menchari sumbar kemajuan dan pengetahuan yang lebeh tinggi yang bukan sahaja terbukti dan terhad di-bidang seni lukis, malah juga nanti tuan-tuan akan lebeh giat lagi menchari segala bentuk seni; dari seni lukis ka-seni pahat, seni sastera dan sa-bagai-nya. Kerana seni ada-lah budaya

bangsa. Tinggi seni tinggi-lah budaya, tinggi pelajaran, tinggi pengetahuan, maka sa-makin bertambah-lah kemajuan negeri, kerana tuan2 yang ada ini-lah bakal tulang belakang negara dan bangsa di-masa hadapan nanti.

TERIMA KASEH CHE'GU-CHE'GU

Sa-belum saya menutup ucapan saya ini, saya juga mengucapkan terima kasih kepada guru2 yang mengajar dan memimpin seni lukis ini. Maka dengan sebab pimpinan dan bimbingan chegu2 itu-lah kejayaan ini telah dapat dicapai oleh pelajar-pelajar sakalian.

Akhir-nya saya tamatkan ucapan ini dengan kata, "Hiasi-lah dada pelajar-pelajar dengan ilmu pengetahuan daripada di-hiasi dengan lokit intan dan kalong berlian".

JABATAN PELAJARAN MENASIHATKAN PELAJAR2 SUPAYA BERGIAT DALAM LAPANGAN SENI LUKIS

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pegawai Pelajaran Negeri, Awang Noordin bin Abdul Latiff berkata di-majlis menyampaikan Sijil2 Kepujian dan Hadiah2 kepada penuntut2 Sekolah2 di-negeri ini yang berjaya dalam Peraduan Lukisan Kanak2 dari Komonwealth, bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Brunei mengucapkan sa-tinggi tahniah dan terima kasih dan sukachita menasihatkan pelajar2 sekalian supaya akan lebeh giat lagi dalam lapangan seni lukis itu.

Dalam ucapan Awang Noordin di-majlis tersebut beliau berkata, "Julong2 kali pelajar2 dari Sekolah2 Inggeris, Melayu, China dan Misi serta persaorangan dari Negeri Brunei telah di-pamirkan dalam Pesta Pamiran Lukisan Kanak2 dari Negara2 Komonwealth yang telah di-adakan di-Royal College of Art, London dan Cardiff yang telah di-pamirkan dari 16 September hingga 16 Oktober tahun 1965.

Pelajar2 sakalian, dengan ada-nya hasil seni lukis Awang dan Dayang di-saberng laut itu, ia-lah kerana menyambut undangan dari Pengelola Pamiran tersebut kepada Jabatan Pelajaran Brunei untuk menunjukkan hasil seni lukis dan kebolehan pelajar2 di-negeri ini.

SEJARAH SENI LUKIS

Sa-bagai langkah pertama dalam Sejarah Seni Lukis untuk kanak2 di-negeri ini, terchatit-lah suatu keagongan dengan suatu kata bahawa pe-pelajar2 sakalian ada mempunyai Bakat seni yang tersendiri. Saya mengambil sikap ini ia-

lah sa-telah saya mendapat keputusan dari hasil pamiran tersebut, banyak di-antara pelajar2 yang telah berjaya dan mendapat beberapa kepujian2 yang istimewa.

Oleh yang demikian, segala kejayaan, kemajuan dan kebolehan yang telah pelajar2 baktikan itu, Jabatan Pelajaran Negeri Brunei mengucapkan sa-tinggi2 tahniah ucapan terima kasih, dan saya sukachita menasihatkan pelajar2 sakalian akan lebeh bergiat lagi dalam lapangan ini.

Sa-lain daripada itu Jabatan Pelajaran juga mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada guru2 yang mengajar seni lukis ini, kerana che'gu2 telah dapat membuktikan usaha yang gemilang ini bukan sahaja ka-

Balek Dari Mekah

BANDAR BRUNEI. — Seramai 190 orang Jema'ah Haji Brunei dari rombongan kapal yang ke-dua di-jangka tiba di-Singapura dari Jeddah pada 24 April, 1966 dan sampai di-Labuan pada 28 April, 1966.

Berhubung dengan perkara tersebut, Pegawai Penguasa Haji Brunei, Awang Ibrahim Tinggal menyatakan bahawa saudara mara jema'ah2 Haji itu yang berhajat hendak menyambut ketibaan mereka di-Singapura dan mengiringkan mereka ka-Labuan dengan kapal "Anshun" ada-lah diminta berhubung terus dengan Sharikat Borneo Berhad, Bandar Brunei untuk mendapatkan tiket2.

Beliau juga menyatakan, jaminan belum-lah dapat di-berikan kepada penyambut2 itu untuk membolehkan mereka ikut serta dengan jama'ah Haji tersebut ketika dalam pelayaran dari Labuan ka-Brunei dengan menaiki kapal2 Kerajaan.

pada Negeri Brunei bahkan dunia luar juga telah dapat melihat kemajuan penuntut2 yang telah che'gu2 ajar dan pimpinan che'gu2 dalam lapangan ini.

Saya berharap, sa-moga usaha che'gu2 dan penuntut2 beroleh kemajuan dan mempunyai daya chipta yang lebeh2 bernilai lagi di-masa yang akan datang. Terima kasih.

Majlis Perbinchangan Anjoran Badan Perkembangan Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei telah mengadakan satu Majlis Perbinchangan bertajok, "Bahasa sa-bagai jentera untuk mempertinggi nilai kebudayaan" di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 25 Mach, 1966. Pembicara-nya ialah Awang Abdul Aziz Juned.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil; Doktor Pangkat Harahap, dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei serta ramai peminat2 Bahasa dan Budaya telah hadir di-majlis tersebut.

Majlis itu telah di-pimpin oleh Awang Ahmad Kadi, manakala Setia Usaha-nya ia-lah Awang Mahmud Bakyr.

Beberapa orang para hadirin telah memberikan pendapat masing2 berhubung dengan ceramah Awang Abdul Aziz Juned di-majlis tersebut.

Wang Kertas Palsu Di-Jumpai Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-keping lagi wang kertas palsu berharga \$10 telah di-jumpai di-Bandar Brunei baru2 ini.

Wang palsu itu telah di-serahkan kepada pihak Polis di-Bandar Brunei oleh sa-orang penjaja pada malam 27 Mach, 1966.

Ini-lah kali yang kedua dalam masa dua bulan wang palsu \$10 di-jumpai di-negeri ini.

Wang palsu yang baru itu, ada-lah sama seperti wang palsu \$10 yang di-jumpai di-Ulu Belait dalam bulan Februari yang lalu.

Wang palsu itu ada-lah kecil lagi daripada wang kertas sepuluh ringgit yang asli. Mutu kertas-nya tidak-lah begitu baik dan huruf2-nya pula ada-lah di-chetak ter-balek.

Nombor wang palsu itu ia-lah 148914 dalam siri A/10.

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu
Dalam
Segala
Lapangan

SOKAN DAN OLAH RAGA

Perlawanan Rentas Desa antara Sekolah2 Melayu sa-negeri Brunei, atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei: Perlawanan Peringkat Negeri telah di-langsungkan pada 26 Mach, 1966 hari Sabtu, bertempat di-padang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Sa-ramai 161 orang peserta yang telah mengambil bahagian ia-itu terdiri 7 pasukan Laki2 "A", 7 pasukan Laki2 "B" dan 7 pasukan Perempuan.

Nama pasukan2 yang menjadi wakil dari tiap2 daerah kerana memasuki ka-perlawanan peringkat negeri ada-lah seperti berikut:—

KUMPULAN LAKI2 "A"

(1) Bahagian Brunei I: Pasukan S.M. Lela Menchanai.

(2) Bahagian Brunei II: Pasukan S. Melayu Sengkuring.

(3) Bahagian Brunei III: Pasukan Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

(4) Bahagian Temburong: Pasukan Sekolah Melayu Amo. Pasukan Sekolah Melayu Melilas.

(5) Bahagian Belait: Pasukan Sekolah Melayu Melilas.

(6) Bahagian Tutong I: Pasukan Sekolah Melayu Sinaut.

(7) Bahagian Tutong II: Pasukan Sekolah Melayu Ukong.

KUMPULAN LAKI2 "B"

(1) Bahagian Brunei I: Pasukan Sekolah Melayu Pintu Malim.

(2) Bahagian Brunei II: Pasukan Sekolah Melayu Delima I.

(3) Bahagian Brunei III: Pasukan Sekolah Melayu Berbunut.

(4) Bahagian Temburong: Pasukan Sekolah Melayu Belais.

(5) Bahagian Belait: Pasukan Sekolah Melayu Muhamad 'Alam.

(6) Bahagian Tutong I: Pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim.

(7) Bahagian Tutong II: Pasukan Sekolah Melayu Ukong.

KUMPULAN PEREMPUAN

(1) Bahagian Brunei I: Pasukan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

(2) Bahagian Brunei II: Pasukan Sekolah Melayu Lambak.

(3) Bahagian Brunei III: Pasukan Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

(4) Bahagian Temburong: Pasukan Sekolah Melayu Amo.

(5) Bahagian Belait: Pasukan Sekolah Melayu Telisai.

(6) Bahagian Tutong I: Pasukan Sekolah Melayu Kupang.

(7) Bahagian Tutong II: Pasukan Sekolah Melayu Ukong.

Keputusan perlawanan pada petang itu ada-lah seperti berikut:

Oleh

Awang Md. Hussian Zainal

KUMPULAN LAKI2 "A":

Johan: Wakil Tutong II; pasukan Sekolah Melayu Ukong.

Naib Johan: Wakil Brunei I; pasukan Sekolah Melayu Lela Menchanai.

Ketiga: Wakil Temburong; pasukan Sekolah Melayu Amo.

KUMPULAN LAKI2 "B"

Johan: Wakil Brunei III; Pasukan Sekolah Melayu Pulau Berbunut.

Naib Johan: Wakil Brunei I; Pasukan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Ketiga: Wakil Tutong II; pasukan Sekolah Melayu Ukong.

KUMPULAN PEREMPUAN

Johan: Wakil Brunei II; pasukan Sekolah Melayu Lambak.

Naib Johan: Wakil Tutong I; pasukan Sekolah Melayu Kupang.

Ketiga: Wakil Temburong; pasukan Sekolah Melayu Amo.

PERLUMBAAN

PERSAORANGAN

KUMPULAN LAKI2 "A"

Johan: Wakil Temburong; Sigat Malong dari S.M. Sultan Hasan.

Naib Johan: Wakil Temburong; Bundan Tiup dari S.M. Amo.

Ketiga: Wakil Tutong II; Salim Sungkai dari S.M. Ukong.

KUMPULAN LAKI2 "B"

Johan: Wakil Brunei II; Dayang Md. Jair dari S.M. Sungai Hanching.

Naib Johan: Wakil Tutong II; Kayu Sungkai dari Sekolah Melayu Ukong.

Ketiga: Wakil Brunei III; Suhaili Bakar dari S.M. Pulau Berbunut.

KUMPULAN PEREMPUAN

Johan: Wakil Brunei II;

Hasnah Haji Ahmad dari S.M. Lambak.

Naib Johan: Wakil Brunei II; Aishah Timbang dari S.M. Muara.

Ketiga: Wakil Brunei II; Masni Tengah dari Sek. Melayu Lambak.

Hadiah2 yang menjadi rebutan pada tiap2 tahun ada-lah seperti berikut:—

BERPASOKAN

JOHAN KUMPULAN

LAKI2 "A"

Piala Jabatan Pelajaran, Brunei telah di-menangi oleh Pasukan Sekolah Melayu Ukong. Wakil Sekolah2 Melayu Tutong II. Pada tahun 1965 piala itu di-pegang oleh Pasukan Sekolah Melayu SMJA, Brunei I.

JOHAN KUMPULAN

LAKI2 "B"

Piala Sharikat Glamour telah di-menangi oleh Pasukan Sekolah Melayu Pulau Berbunut wakil Sekolah2 Melayu Brunei III. Pada tahun 1965 piala itu di-pegang oleh Pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong.

JOHAN KUMPULAN

PEREMBUAN

Perisai Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking Penulong Menteri Pelajaran telah di-menangi oleh Pasukan Sekolah Melayu Lambak wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II.

PERSAORANGAN

JOHAN KUMPULAN

LAKI2 "A"

Perisai Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, telah di-menangi oleh Awang Sigat bin Malong dari Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Bahagian Temburong, pada tahun 1965 perisai itu di-pegang oleh Awang Ibrahim bin Abd. Rahman dari Sekolah Melayu SMJA, Bahagian Brunei I.

JOHAN KUMPULAN

LAKI2 "B"

Perisai Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera Haji Muhamad, telah di-menangi oleh Awang Dayang bin Md. Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching Bahagian Brunei II, pada tahun 1965 pun di-pegang oleh Awang Dayang bin Md. Jair juga.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah disampaikan oleh Awang Noordin bin Abd. Latiff Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

RENTAS DESA

Perlawanan Rentas Desa atas anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei. Perlawanan ini ada-lah Projek tahunan persatuan itu, perlawanan terbuka sa-luruh Negeri Brunei sa-ramai 300 orang peserta telah mengambil bahagian 100 orang daripada-nya peserta Perempuan dan di-langsungkan pada 3 April, 1966 bertempat di-Bandar Brunei, di-mulai jam 2-00 petang.

BOLA SEPAK

Perlawanan Bola Sepak kerana Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang ka-49. Perlawanan terbuka kapada Persatuan2 Kelab2 dan Persekolahan, permainan dijalankan dengan chara kalah mati (knock-out) semua perlawanan bertempat di-padang Besar Bandar Brunei, tiap2 permainan di-mulakan jam 4-45 petang.

Perlawanan yang telah dijalankan baru2 ini ada-lah seperti berikut:—

(i) PADA 21 MACH, 1966: Pasukan 3 PKA (Persatuan Pakatan Putera Puteri Kampong Ayer) keputusan-nya pasukan Belia Sengkuring menang tanpa berlawan.

(ii) PADA 23 MACH, 1966: Pasukan 51 Brig. British Other Rank berlawan dengan pasukan Persatuan Kampong Sumbiling "A" keputusan-nya pasukan 51 Bri. British Other Rank menang dengan kemenangan 10 gol berbalas 1.

(iii) PADA 26 Mach, 1966: Pasukan Brunei Sports Club berlawan dengan pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei "A", keputusan-nya pasukan Brunei Sports Club menang dengan kemenangan 5 gol berbalas 1.



Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Awang Noordin bin Abdul Latiff kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada wakil sa-buah pasukan yang menang dalam temasha Lumba Rentas Desa Kejohanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Berdiri di-sabalah Awang Noordin ialah Pengerusi Lumba Rentas Desa tersebut, Awang Abdi Manaf.

HARI RAYA KORBAN TA BERKORBAN UNTOK



Sa-lepas bersembahyang Hari Raya Haji di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, orang ramai telah bermurah hati menghulorkan derma atas pembinaan bangunan Madrasah di-Seria yang akan di-bena nanti.

HARI RAYA HAJI atau yang lebih di-kenal dengan nama 'Aidil-Adha atau Hari Raya Korban baru saja berlalu pada lima hari yang lepas ia-itu pada 1 April, 1966.

Kedatangan hari yang mulia ini telah di-sambut dengan penoh gembira dan keshukoran oleh seluroh umat Islam di-dunia ini sa-bagai turut bersama2 menyatakan kegembiraan dengan saudara2 kita yang telah selesai menunaikan ibadah haji dan umrah di-tanah suci Makkatul-Mukarramah.

Umat Islam dari segenap penjuru alam, sama ada negaranya berchorak pemerintahan demokrasi, sosialis, nasionalis atau kominis asal saja mereka

mengaku bahawa tiada Tuhan yang sa-benar2-nya di-sembah melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah, kesemua-nya membanjiri Makkatul-Mukarramah pada tiap2 tahun untuk mengerjakan ibadah Haji.

Menyebut tentang Hari Raya Korban, mungkin ada orang yang ingin tahu apa itu korban dan mengapa mesti berkorban.

Kita harus-lah menyedari bahawa, Hari Raya Korban yang besar ini ada-lah ingatan kita supaya berazam dengan penoh semangat untuk membarui pengorbanan kita terhadap Tohan Yang Maha Esa.

Perjuangan kita untuk men-chari keridzaan Allah harus-lah kita kerjakan dengan pengorbanan harta benda, tenaga atau jika kita sendiri.

Sekarang perlu-lah kita merenong kembali pada beberapa abad yang silam tentang sifat2 yang mulia yang terdapat pada dua orang hamba Allah yang di-kasehi ia-itu Nabi Ibrahim a.h.s dan anak-nya Nabi Ismail a.h.s.

Kepatuhan Nabi Ibrahim a.h.s. sa-waktu menunaikan perintah Tuhan untuk menyembelih anak-nya yang di-kasehi itu ada-lah sa-bagai lambang kebaktian yang besar yang harus menjadi ikutan sa-genap lapisan manusia.

Menurut sejarah, Nabi Ibrahim a.h.s. dan Nabi Ismail a.h.s. ada-lah di-antara nabi2 yang di-tugaskan yang bukan untuk menyampaikan ajaran2 Islam yang maha suci, tetapi juga untuk membimbing umat-nya ka-jalan yang benar.

Sa-bagaimana nabi2 yang lain baik sa-belum mahupun

sa-sudah-nya, maka kedua2 nabi itu ada-lah juga menghadapi mas'alah hidup yang sama dalam tugas mengembangkan agama yang di-redha Tuhan.

Walaupun banyak mengalami rintangan hidup, namun Nabi Ibrahim a.h.s berjaya juga dalam memberi derma bakti yang tidak terhingga tinggi nilai-nya sa-bagai sa-orang pesuruh Allah.

Salah satu ujian hidup yang paling pahit dalam sejarah hidup Nabi Ibrahim a.h.s. ia-lah apabila di-satu ketika Allah memerintahkan ia supaya mengorbankan anak-nya yang di-kasehi ia-itu Nabi Ismail a.h.s.

Perintah yang di-turunkan ka-atas diri-nya itu ada-lah semata2 untuk menguji kekuatan, keimanan dan pengakuan-nya kapada Allah.

Sa-telah di-ketahui bahawa Nabi Ibrahim a.h.s. benar2 chintakan kapada Tuhan, lebeh daripada menchintai sa-suatu di-dalam dunia ini, maka me-



Pegawai Daerah Temburong sedang berucap di-satu majlis dari hati ka-hati kerana menyambut ketibaan Hari Raya Korban di-daerah itu pada 1 April, 1966.



Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama Paduka Kemaludin kelihatan membe-ka-hati di-Temburong, kerana



Ketika menyambut ketibaan Hari Raya Korban, penduduk2 Kampong Keriam di-Daerah Tutong telah memperingati hari yang mulia itu sambil mereka mengorbankan sa-ekor kambing seperti yang dapat dilihat dalam gambar ini.



Gambar ini pula kelihatan sa-bahagian dari penduduk2 Daerah Temburong sedang membaca do'a di-majlis dari hati ka-hati menyambut hari yang mulia, Hari Raya Korban.

KAN SEMANGAT SEDIA NIA DAN AKHIRAT



giran Muda Dato
di-majlis dari hati
Raya Haji.



Dalam meraikan Hari Raya Haji tahun ini, Daerah
Tutong juga tidak ketinggalan seperti tahun2 yang
sudah. Dalam gambar ini Pegawai Daerah Tutong,
Pengiran Osman sedang berucap sa-belum merasmi-
kan Mashuarat Agong Persatuan Perda Penanjong
sambil meraikan Hari Raya Haji pada 3 April yang
lalu.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato
Seri Paduka Marsal bin Ma'un kelihatan sa-lepas
menunaikan sembahyang Hari Raya Haji di-Masjid
Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 1 April, 1966.

ayat dalam kitab suchi
pada satu ketika
h memermentahkan-
aya menyembeleh
Ismail a.h.s.) untuk
korban.

abi Ibrahim a.h.s.,
perintah Allah itu
untuk di-pikul-nya,
aksanakan juga pe-
dengan keimanan

Allah yang bersifat
dan pengasehani
hamba-nya, maka
orbankan itu sa-
bukan-lah anak-nya
kor kibash yang di-
Allah untuk meng-
Nabi Ismail a.h.s.

Nabi Ismai a.h.s.
wayat Itu lagi, sejak
dongan ibu-nya (Siti
h mengalami berba-
tan.

chil lagi, Nabi Ismail
g hidup di-tengah2
utan Pasir Sahara
ng kutang itu telah
pi kesusahan dan ke-
-tiap waktu.

Namun demikian segala ke-
sukaran hidup-nya itu di-terima
dengan hati yang chekal dan
sabar serta taqwa dan semua
kesukaran itu dapat di-atasi-
nya kerana chita2-nya untuk
menchari keridhaan Allah ada-
lah lebeh tinggi dari segala
yang hidup melata di-bumi
Allah.

Dari jasa2 Nabi Ibrahim dan
keluarga-nya itu telah men-
dapat penghormatan tinggi dari
Allah bukan sahaja di-dunia
tetapi juga di-akhirat.

Penghormatan itu dapat di-
saksikan pada masa ini di-
di-tanah suchi Mekah yang
menjadi tempat tumpuan ber-
juta2 umat Islam dari seluroh
dunia yang menunaikan fardhu
haji tiap2 tahun.

Rumah Allah "Baitullah"
yang di-dirikan oleh Nabi Ib-
rahim a.h.s. dan anak-nya Nabi
Ismail a.h.s. telah di-terima
Allah sa-bagai kiblat umat
Islam di-seluroh dunia yang
mengerjakan ibadat sembah-

yang.

Perigi Zamzam di-tengah2
padang pasir, tempat Nabi
Ismail a.h.s. menerima ayer
dari Allah, sekarang di-jadikan
tumpuan umat Islam.

Beberapa peristiwa lagi yang
di-lakukan oleh Siti Hajjar,
bonda Nabi Ismail a.h.s. (Isteri
Nabi Ibrahim a.h.s. yang ke-
dua) telah juga di-jadikan salah
satu rukun fardhu Haji.

Isteri Nabi Ibrahim a.h.s.
yang pertama, Siti Sarah telah
juga di-katakan sa-bagai pe-
rempuan yang paling chantek
ketika itu dan tegoh keimanan-
nya terhadap Allah, sa-hingga
berbagai2 gudaan dapat di-
atasi-nya termasuk gudaan dari
Fira'un yang bernafsu besar
dan buas.

Jadi, amalan2 yang di-kerja-
kan ketika menunaikan fardhu
haji itu merupakan lambang
atau petunjuk dari amalan Nabi
Ibrahim di-sa'at beliau menem-
poh ujian atau petunjuk dari
amalan perintah Allah yang


maha besar.

Segala peristiwa yang di-
tempoh oleh Nabi Ibrahim
a.h.s. dan keluarga-nya itu
menjadi satu contoh yang
baik, malahan menjadi satu
chabaran kepada seluroh umat
Islam, terutama bagi kita yang
hidup dalam zaman pempa-
ngunan ini ada-lah perlu mem-
punyai semangat2 seperti itu—
sedia berkorban untuk akhirat
dan untuk di-dunia.

Berkorban untuk kecherma-
langan bangsa, negara dan
Ugama ada-lah menjadi satu
kewajipan kita sa-bagai ra'ayat
negeri ini.



lagi pemandangan di-Keriam sa-waktu menyambut Hari Raya Korban dan dalam
gambar ini sa-ekor Lembu telah menjadi korban di-majlis itu.



Umat Islam di-Daerah Tutong kelihatan sedang
bersembahyang Hari Raya Haji di-Masjid Pekan
Tutong pada 1 April yang lalu.

JAWATAN2 KOSONG:

Di-Pejabat Siaran Radio Dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:—

(a) **PENYELENGGARA SETOR**
TINGKAT I:

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Pemohon2 mesti-lah mengetahui dengan mahir-nya alat2 pengganti bagi alat2 Pemanchar Radio dan kelengkapan studio termasuk alat2 perakaman dan penerimaan, dan mesti-lah pandai menetapkan alat2 pengganti tersebut.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman selama sekurang-nya, lima tahun dalam kerja2 setor serta peratoran2-nya serta berkebolehan menjaga semua setor2 sechra terator dan berekonomi.

Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui chara2 mengambil kiriman2 kelengkapan2 baharu dari sharikat2 perkapalan atau penerbangan.

Mereka mesti-lah juga tahu menulis dalam bahasa Melayu

dan Inggeris dan bertutur dalam kedua2 bahasa dengan lancar.

Gaji:—Dalam sukatan D.4 \$500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) **TUKANG PANJAT (RIGGER).**

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Mesti-lah boleh memanjat tiang2 untuk menjalani kerja2 pemereksaan dan kerja2 pembaikan, dan boleh mengikat alat2 kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat kelengkapan pada tali2 dawai serta mengetahui berbagai2 alat tali temberang (mast stays).

Pengalaman dalam kerja mendirikan tiang2 yang menggunakan tali temberang ada-lah satu keuntongan.

Gaji:—Dalam sukatan E.1 - 2 EB.3 \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1966.

daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Mei, 1966.

ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati

Juru Teknik Kanan Makmal

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Juru Teknik Kanan Makmal di-Jabatan Kerja Raya (Bahagian Ayer), Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil Pelajaran Umum (General Certificate of Education) atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya dan telah menjalani latehan selama sekurang-nya dua tahun dalam sa-buah badan latehan Penyelesaian atau Kimia dengan mendapat sijil kecekapan yang tertentu.

Chalon2 mesti-lah juga telah berkhidmat sebagai pembantu makmal selama tidak kurang dari lima tahun di-sabua makmal menganalisa bahan2 kimia atau memegang jawatan yang serupa dengan-nya.

Tugas hari2 termasuk-lah kerja2 menganalisa pembekalan ayer minum, sechra “chemical” and “bacteriological” dan penyiasatan2 di-makmal ka-atas ayer yang belum di-tapis atau buboh ubat, yang berkaitan dengan kerja2 pengawalan pembersehan ayer dengan menggunakan bahan kimia.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek

Pelayan Mess Di-A.M.D.B.

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi tiga jawatan kosong sebagai Pelayan Mess di-Perkhemahan Berakas, Askar Melayu Di-Raja, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 35 tahun dan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris

dan Melayu.

Gaji: Dalam sukatan \$160x5 - 195 sa-bulan.

Permohonan yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-penohi dari Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 April, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 April hingga ka-hari Selasa 12 April, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
6	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
7	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
8	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
9	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
10	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
11	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
12	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jawatan Kosong Sebagai Penulong Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidek

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penulong Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidek di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2—Pemohon2 mesti-lah dari orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolaan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau mempunyai kelayakan2 yang se-banding dengan-nya.

Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang Istilah sa-lama 2 tahun sa-bagai tambahan kapada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji—Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 -\$380x20 - 480/EB/520x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan Pengalaman.

Sharat2 Lantekan — Kontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis — Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 April, 1966.

Kenyataan Pejabat Bandaran Brunei

BANDAR BRUNEI — Orang ramai ada-lah di-ma'alomkan bahawa lenchana2 anjing bagi tahun 1966 sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Brunei, dengan dikenakan bayaran \$3.00 bagi sa-ekor anjing jantan dan \$5.00 bagi anjing betina pada satu tahun.

Pertandingan Bola Sepak Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

Johan - Pasokan 51 Brigade (BOR)

☆

Naib Johan - Brunei Sports Club

BANDAR BRUNEI. — Pasokan 51 Brigade (British Other Ranks) telah memenangi Perisai Sir Omar Ali Saifuddin sa-telah pasokan itu mengalahkan Pasokan Brunei Sports Club dengan 4 gol berbalas 3 dalam Pertandingan Akhir Bola Sepak Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 April, 1966.

Meskipun Pasokan Brunei Sports Club telah tidak berhasil menyandang gelaran Kejohanan dalam pertandingan bola sepak itu, akan tetapi pemain2 pasokan itu telah bermain dengan chergas pada sa-panjang masa hingga ka-sa'at penghabisan perlawanan itu.

memberikan kemenangan kepada pasokan tersebut. Gol itu di-jaringan oleh Barclough.

Sungguh pun pemain2 Pasokan Brunei Sports Club men-chuba dengan bersungguh2-nya untuk menjaringkan gol-nya yang ke-empat akan tetapi pasokan itu telah tidak berhasil.

Pada masa Pengadil perlawanan itu meniup suling-nya bagi menandakan tamat perlawanan itu, Pasokan 51 Bri-

gade mendapat 4 gol, manakala Pasokan Brunei Sports Club mendapat 3 gol.

Maka dengan keputusan tersebut, Pasokan 51 Brigade menjadi Johan dalam perlawanan bola sepak itu dan Pasokan Brunei Sports Club memperolehi gelaran Naib Johan.

Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang telah menyampaikan hadiah2 sa-telah tamat pertandingan bola sepak tersebut.

Awang R. G. Clark telah mengadakan perlawanan tersebut.

Pemain2 Pasokan 51 Brigade (B.O.R.): Tucker, Trevarno, Grant, Turrell, Banks, Ashworth, Thomson, Palmer, Barclough, Cairns dan Russel.

Pemain2 Pasokan Brunei Sports Club: Johnny Foo, Pengiran Johari, A. Ali, Rahman Sanip, Nordin, Johari Johan, Pengiran Mahari, Frankie Ho, Ak. Ismail, Dolah dan Tuah.



Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pasokan2 bola sepak tempatan dan juga dari pehak tentera. Gambar ini di-ambil pada masa di-adakan perlawanan bola sepak tersebut di-antara Pasokan 51 Brigade (BOR) dengan Pasokan Kampong Sumbiling.

Gol yang pertama dalam pertandingan itu di-dapati oleh Pasokan 51 Brigade, apabila sayap kanan-nya, Thomson menjaringkan satu gol sa-lepas mendapat hantaran bola dari-pada sa-orang pemain barisan hadapan-nya.

Delapan minit lagi, penyokong2 Pasokan Brunei Sports Club telah bersorak sa-telah Dollah berjaya menjaringkan satu gol.

Dengan itu, kedua2 pasokan telah beroleh seri, ia-itu 1 gol berbalas 1.

Penyokong2 Pasokan Brunei Sports Club telah sekali lagi bersorak kira2 20 minit lagi. Kali ini ia-lah kerana pasokan itu telah dapat memperolehi gol-nya yang kedua dalam pertandingan itu, ia-itu menerusi Rahman Sanip.

Pada masa itu, Brunei Sports Club mendapat 2 gol dan Pasokan 51 Brigade mendapat 1 gol.

Lima minit sa-belum tamat pertandingan pertengahan yang pertama Pasokan 51 Brigade telah mendapat gol-nya yang kedua, apabila pemain barisan hadapan-nya Barclough menjaringkan satu gol.

Keputusan pada masa rehat ia-lah: Brunei Sports Club — 2 gol. 51 Brigade — 2 gol.

Sa-telah perlawanan di-sambungkan sa-mula, keadaan perlawanan itu telah lebih hebat, kerana pemain2 kedua2 pasokan bermain dengan chergas lagi untuk menjaringkan gol bagi pasokan masing2.

Gol yang ketiga bagi pasokan 51 Brigade itu, kemudian-nya di-jaringan oleh sayap-kiri, Rusel.

Pasokan Brunei Sports Club telah berikhtiar dengan sa-bberapa boleh untuk menjaringkan satu gol lagi. Gol yang di-tunggu2 itu, kemudian-nya di-jaringan oleh Frankie Ho bagi pasokan itu.

Pada masa itu Brunei Sports Club mendapat 3 gol dan Pasokan 51 Brigade juga mendapat 3 gol.

GOL YANG MEMBAWA KEMENANGAN

Kira2 10 minit sa-belum tamat perlawanan itu, Pasokan 51 Brigade telah berhasil memperolehi gol-nya yang keempat, ia-itu gol yang telah


PAKAIAN PENGAKAP DI-DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Pengakap Daerah Brunei ada menyediakan 650 pasang pakaian2 pengakap, untuk di-jual kepada pengakap2 Daerah Brunei.

Sa-siapa yang ingin hendak membeli pakaian yang tersebut, boleh-lah berurus kepada Aw. Shahbudin bin Saleh, Pesuruh Jaya Pengakap (Bahagian Sekolah2 Melayu) Daerah Brunei. atau kepada Pg. Tajuddin bin Pg. Ahmad.

Harga2-nya ia-lah: A. Berharga \$6.00 sa-pasang. B. Berharga \$5.70 sa-pasang. C. Berharga \$5.30 sa-pasang. D. Berharga 5.00 sa-pasang.

Chontoh2 pakaian pengakap ini telah pun ada di-antara-nya di-serahkan kepada Guru2 Besar pada tiap2 sekolah. Sekolah2 yang belum dapat lagi dan berkehendakan membeli, boleh-lah berjumpa kepada yang berkenaan.



Penjaga gol Brunei Sports Club, Johnny Foo kelihatan dalam gambar ini hendak menyelamatkan bola dalam Perlawanan Bola Sepak Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Peringkat Akhir di-antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan 51 Brigade (BOR) di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 April, 1966.

Lumba Rentas Desa Anjoran Persatuan Belia Berjaya

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang murid perempuan dari Sekolah Melayu Lambak, Berakas, Brunei telah berjaya menyanggah gelaran Johan Bahagian Wanita dalam Perlumbaan Rentas Desa Tahunan anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei pada petang hari Ahad 3 April, 1966.

Murid tersebut ia-lah Dayang Masni binte Tengah, berumur 12 tahun.

Masni telah mengalahkan 39 orang lagi peserta2 perempuan yang kebanyakan daripada-nya lebeh tua lagi daripada-nya.

Bukan sahaja Masni telah memperolehi gelaran sebagai Johan dalam Perlumbaan Rentas Desa itu sa-jauh kira2 3½ batu, akan tetapi ia telah juga dapat menchiptakan satu rekod baru dalam perlumbaan rentas desa itu, dengan mengambil masa 22 minit, 23 sa'at, ia-itu 1 minit 58 sa'at lebeh baik dari rekod lama yang di-chiptakan oleh pelumba yang lain.

Gelaran2 Naib Johan dan Ketiga dalam perlumbaan tersebut telah juga di-sandang oleh murid2 dari Sekolah Melayu Lambak.

Gelaran Naib Johan dalam perlumbaan tersebut di-sandang oleh Dayang Halimah binte Ja'afar manakala Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Tuah telah memperolehi gelaran yang ketiga.

Lain2 keputusan ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa (Persa-orangan): Johan — Awang Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei. Masa-nya ia-lah 41 minit, 43 sa'at sa-jauh 7 batu. Naib Johan — Inspektor Joseph Chin dari Pasokan Pulis Diraja Brunei. Masa-nya ia-lah 42 minit, 39 sa'at. Pemenang Ketiga Henry Chin, dari Batu 1½, Jalan Muara.

Dalam Perlumbaan Rentas Desa

pada tahun lalu, Joseph Chin telah menjadi johan, dengan menchipta rekod baru, ia-itu 36 minit, 51.2 sa'at.

Bahagian Kanak2 Lelaki: Johan — Awangku Yakub bin Pengiran Tuah dari Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei. Ini-lah tahun kedua Awangku Yakub memenangi perlumbaan itu. Ia telah berhasil menchiptakan rekod baru, ia-itu 18 minit, 54.4 sa'at. Rekod lama yang Awangku Yakub menchiptakan pada tahun lalu ia-lah 19 minit, 42.7 sa'at. Naib Johan — Awang Jahari bin Bakar dari Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei. Pemenang Ketiga: Awangku Mohamed bin Pengiran Metarsad dari Ikatan Belia Berakas, Brunei.

Bahagian Pasokan: Johan — Maktab Perguruan Melayu Brunei, Pasokan "B", Naib Johan — Sekolah Menengah Melayu Pertama. Pemenang Ketiga — Maktab Perguruan Melayu Brunei, Pasokan "A".

Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah menyampaikan hadiah2 sa-lepas tamat perlumbaan rentas desa tersebut.

Majlis Menyampaikan Hadiah Peraduan Cherpen

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis untuk menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Cherpen Untuk Bacaan Kanak2, di-bawah anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada jam 8-30 pagi hari Juma'at 8 April, 1966.

Majlis tersebut akan di-mulai dengan ucapan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Sementara itu, pada jam 9-30 pagi pula, Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei akan mengadakan Cheramah di-dewan tersebut.

Tajuk Cheramah itu ia-lah, "Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Penghantar Ilmu Pengetahuan". Pencheramah-nya ia-lah sa-orang peminat Badan tersebut.

Majlis Tamat Latehan Pertanian

(Dari Muka 1)

Mereka ada-lah terdiri dari 3 orang dari Daerah Tutong, dua orang dari Daerah Temburong dan dua orang lagi dari Daerah Brunei.

Sa-belum menyampaikan sijil2 tersebut, Pengiran Damit telah menasihatkan kepada penuntut2 itu supaya mengusahakan apa yang telah di-pelajari mereka semasa menjalani latehan di-pusat pertanian, apabila mereka balek ka-kampung masing2.

Beliau juga mensifatkan penuntut2 tersebut sa-bagai wakil pejabat pertanian untuk menyebarkan perusahaan pertanian di-kampung2.

Pengiran Damit menyatakan bahawa pejabat pertanian sedia

memberi bantuan yang terdaya kepada petani2 di-negeri ini.

Turut juga memberikan ucapan di-upacara itu ia-lah Pegawai Pembantu Pertanian, Awang Ahmad bin Haji Bayan selaku wakil Pegawai Pertanian Negara, Brunei.

Penuntut2 tersebut ada-lah kali yang pertama menerima bantuan dari Pejabat Pertanian Negara untuk menjalankan perusahaan sendiri di-kampung masing2 mengikut chara2 ang mereka telah mempelajari semasa menjalani kursus pertanian selama dua bulan baru2 ini.

Bantuan itu akan di-berikan kepada mereka selama tiga bulan mulai 1 April hingga 30 Jun tahun ini.



Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang, kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Piala Perak kepada Dayang Masni binte Tengah, berumur 12 tahun, sa-orang murid Sekolah Melayu Lambak, Berakas, Brunei Dayang Masni telah menyanggah gelaran Johan dalam Perlumbaan Rentas Desa Bahagian Wanita, anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei pada petang hari Ahad, 3 April, 1966.

D.Y.M.M. Selamat Berangkat Tiba Di-Brunei Dari U.K.

(Dari Muka 1)

Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber; Pegawai2 Kanan Kerajaan; Para pembesar Negara dan lain2-nya

semasa Baginda mendarat di-Lapangan Terbang Brunei pada tengah hari tersebut.

Sa-lepas para hadirin di-Lapangan Terbang Brunei menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Baginda pun menaiki keenderaan Baginda dan berangkat ka-Istana Darul Hana.

Jawatan Kosong Sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris Di-Radio Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 Persekolahan:

Sijil Persekolahan Seberang Laut atau pun kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

Kelayakan2 Professional:

Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam bidang siaran radio dalam mengadakan dan menyiarkan ranchana2 dalam bahasa Inggeris selama sekurang2-nya tiga tahun.

Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 persekolahan yang sesuai serta berpengalaman sebagai ahli musik, pelakon atau penulis, sebagai ganti kepada kelayakan2 yang tersebut di-atas, akan juga di-pertimbangkan.

Chalon2 akan di-uji untuk menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

Gaji:

Dalam sukatan mata wang Malaysia \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan peng-

alaman.

Chalon yang berjaya akan di-lantek sebagai Pengelola Ranchangan Inggeris dan akan bertanggung jawab kepada Ketua Pengelola Ranchangan bagi mengeluarkan ranchangan2 untuk bahagian Inggeris.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Mei, 1966.